



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

GARIS PANDUAN MENYAMBUT HARI RAYA 'IDULFITRI & 'IDULADHA

JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR



Jabatan Mufti Negeri Selangor,
Tingkat 7 & 8, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Telefon : 03-55143738. Fax : 03-55197584
E-mail : mufti_sel@selangor.gov.my



ISI KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH	i
PENDAHULUAN	ii
DEFINISI	1

AMALAN SUNAT PADA HARI RAYA

1. Bertakbir	1
2. Bertakbir Sepanjang Perjalanan Ke Masjid	2
3. Menyaringkan Suara Ketika Bertakbir	2
4. Mandi Sunat	2
5. Makan dan Minum	3
6. Memakai Pakaian Indah / Baru	3
7. Berjalan Kaki	3
8. Melalui Jalan Yang Berbeza Ketika Pergi Dan Pulang	3
9. Tempat Didirikan Solat	3
10. Membayar Zakat Fitrah	3
11. Ucapan Tahniah(Selamat)	4
12. Ibadah Qurban	4

KAIFIYYAT SOLAT SUNAT 'IDULFITR & 'IDULADHA

1. Waktu Solat Sunat Hari Raya	5
2. Tiada Solat Sunat Sebelum Dan Selepas <i>(Qabliyyah dan Ba'diyyah)</i>	5
3. Tiada Seruan Azan Atau Iqomah	5
4. Kaifiyyat Solat Sunat Hari Raya	6
5. Membaca & Mendengar Khutbah	6

AMALAN SELEPAS 1 SYAWWAL

PERKARA YANG MENYALAHİ SYARA' KETIKA MENYAMBUT HARI RAYA

SEKAPUR SIRIH

SAHIBUS SAMAHAH MUFTI NEGERI SELANGOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji ke hadrat Allah S.W.T serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w yang menjadi cermin keteladanan buat ummah sepanjang zaman, serta kepada seluruh keluarga baginda, para sahabat mereka yang senantiasa mengikut jejak Baginda hingga ke hari perhitungan.

Alhamdulillah saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T di atas nikmat hidayah dan izinNya Jabatan Mufti Negeri Selangor telah berjaya menghasilkan Panduan Menyambut Hari Raya `Idulfitr dan `Iduladha.

Adalah diharapkan, ia akan dapat merungkai masalah dan membetulkan pemahaman masyarakat bagaimana cara menyambut Hari Raya `Idulfitr dan `Iduladha menurut syara'. Garis panduan ini akan menyentuh berkaitan Definisi, Amalan Sunat Pada Hari Raya, Kaifiyyat Solat Hari Raya, Dan Perkara-Perkara Yang Menyalahi Syara' Ketika Menyambut Hari Raya.

Sekalung penghargaan dan tahniah saya kepada Ashabul Fadhilah Dato'-dato' serta Ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah memperakukan panduan ini untuk diterbitkan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan syabas saya tujukan kepada para petugas dan urusetia yang terlibat sama ada secara lansung atau tidak lansung dalam proses menyediakan panduan ini. Semoga amal bakti dan ilmu yang dicurahkan diterima sebagai amal soleh yang akan memberatkan neraca timbangan di akhirat kelak.

Akhir kata, semoga melalui penerbitan garis panduan ini dapat memberikan sedikit sebanyak manfaat dan dijadikan sebagai rujukan kepada masyarakat khususnya di Negeri Selangor dan Malaysia amnya. Segala kecemasan dan kekurangan yang berlaku dalam penerbitan garis panduan ini boleh dimaafkan dan sedia menerima teguran dan nasihat.

Sekian, wassalam.

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID

SSIS., DPMS., PPT.

Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

PENDAHULUAN

Penduduk Madinah sudah sedia menyambut dua perayaan setiap tahun.

Baginda ﷺ mengisyiharkan bahawa Allah SWT telah menggantikan perayaan tersebut dengan `Idulfitr dan `Iduladha.

Ini berdasarkan hadis yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah SWT telah menggantikan dua hari yang mempunyai kebaikan di dalamnya, iaitu Idulfitr dan `Iduladha”. (Riwayat Abu Daud)

Justeru, jabatan ini bertanggungjawab untuk memberi panduan kepada umat Islam dalam melaksanakan setiap ibadah mengikut lunas-lunas yang dibenarkan dan digalakkan oleh Syara’.

DEFINISI

‘Idulfitr :

Dikenali sebagai Hari Raya Puasa atau Hari Raya Fitrah. Ia disambut pada 1 Syawwal setelah berakhirnya Bulan Ramadhan sebagai tanda syukur kerana berjaya melaksanakan ibadah puasa.

‘Iduladha :

Dikenali sebagai Hari Raya Qurban atau Hari Raya Haji. Ia disambut pada 10 Zulhijjah sempena memperingati kesyukuran Nabi Ibrahim A.S selepas berjaya melaksanakan ujian daripada Allah SWT. Umat Islam digalakkan menyembelih binatang qurban pada 10, 11, 12 dan 13 Dzulhijjah.

AMALAN SUNAT PADA HARI RAYA

1. Bertakbir.

‘Idulfitr :

Bermula daripada terbenam matahari akhir Bulan Ramadhan sehingga imam memulakan solat sunat ‘Idulfitr. Digalakkan bertakbir di masjid, surau, rumah, atas bangunan, persimpangan jalan dan sebagainya.

‘Iduladha :

- i. Bermula selepas terbit fajar (solat subuh) pada 9 Zulhijjah hingga terbenam matahari 9 Zulhijjah sebagai takbir muqayyad (takbir dilaungkan selepas solat fardhu, solat sunat, dan solat jenazah).
- ii. Bermula pada malam ‘Iduladha sehingga imam memulakan solat sunat ‘Iduladha (takbir mursal: takbir yang tiada had masa).
- iii. Bermula pada 10 hingga selepas solat asar 13 Zulhijjah (selepas solat asar juga ada takbir) iaitu (takbir muqayyad selepas solat fardhu, sunat, dan solat jenazah)

Lafaz takbir raya:

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا الله وَالله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ وَالله الْحَمْدُ .
الله أَكْبَرُ كَيْفِيًّا، وَالْحَمْدُ لِلله كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ الله بُكْرَةً وَأَصِيلًا.
لَا إِلَهَ إِلَّا الله وَلَا تَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْكَرَةُ الْكَافِرُونَ،
لَا إِلَهَ إِلَّا الله وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَاعْزَزَ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا الله وَالله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ وَلِلله الْحَمْدُ .

Allah maha besar, Allah maha besar, Allah maha besar, Tiada Tuhan selain Allah, dan Allah maha besar, Allah maha besar, untukNya segala puji.

Allah maha Agung, Segala puji bagiNya sebanyak-banyaknya, Dan maha suci Allah sepanjang pagi dan petang. Tiada Tuhan selain Allah dan kami tidak menyembah melainkan Allah yang maha Esa dengan ikhlas kami ber`abdi kepadanya, walaupun orang-orang kafir membencinya. Tidak ada Tuhan selain Allah yang maha Esa; benarlah janjinya, maha menolong hambanya, memuliakan tenteranya, dan mengalahkan pakatan musuh-musuhnya. Tiada Tuhan selain Allah, Allah maha besar. Allah maha besar dan segala puji bagi Nya.

2. Bertakbir Sepanjang Perjalanan Ke Masjid.

Umat Islam disunatkan bertakbir ketika dalam perjalanan ke tempat solat sehingga sebelum mendirikan solat.

3. Menyaringkan Suara Ketika Bertakbir.

Sunat bagi lelaki menyaringkan suara, manakala bagi wanita sekadar didengari oleh dirinya sendiri.

4. Mandi Sunat.

Sunat mandi sebelum pergi menuai solat dua hari raya. Waktu mandi bermula pada pertengahan malam dan yang afdal setelah terbit fajar (solat subuh).

5. Makan Dan Minum.

- Haram berpuasa pada `Idulfitr dan `Iduladha.
- Sunat menjamah makanan sebelum menunaikan solat sunat `Idulfitr.
- Tidak digalakkan menjamah makanan sebelum menunaikan solat sunat `Iduladha.

6. Memakai Pakaian Yang Indah / Baru.

Sunat menghiaskan diri dengan pakaian yang cantik atau baru pada hari raya.

7. Berjalan Kaki.

Sunat berjalan kaki menuju ke tempat solat jika mampu.

8. Melalui Jalan Yang Berbeza Ketika Pergi Dan Pulang.

Jika terdapat jalan yang berbeza antara rumah dan tempat solat, disunatkan melalui jalan yang berbeza ketika pergi dan pulang. Antara tujuannya ialah untuk memberi sedekah kepada fakir miskin yang berada di jalan yang berlainan.

9. Tempat Didirikan Solat.

Sunat dilakukan di tanah lapang, namun demikian bagi keadaan-keadaan tertentu seperti hujan, angin kencang dan lain-lain, solat sunat `Idulfitr didirikan di masjid.

10. Membayar Zakat Fitrah

- Waktu harus setelah masuk bulan Ramadhan.
- Waktu wajib setelah terbenam matahari akhir Ramadhan.
- Waktu *afdhāl* sebelum mendirikan solat sunat `Idulfitr. (Bermula selepas waktu subuh sehingga sebelum imam mendirikan solat sunat `Idulfitr).

11. Ucapan Tahniah (Selamat)

Ucapan selamat boleh dilakukan dengan apa jua ucapan yang baik.
Contohnya :

"تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ ،"

Semoga Allah menerima amalan kami dan kamu

"كُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ ،"

Setiap tahun anda dalam keadaan baik

"مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ وَالْمَقْبُولِينَ ،"

Didoakan anda tergolong di kalangan orang-orang yang kembali dan
Berjaya serta diterima amalan

"كُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ طَيِّبُونَ"

Semoga setiap tahun anda dalam keadaan baik

12. Ibadah Qurban

Sunat *Muakkadah* (sangat dituntut) melakukan qurban setiap tahun jika mampu.

KAIFIYYAT SOLAT SUNAT `IDULFITR & `IDULADHA

Hukum melaksanakan solat sunat `Idulfitr / `Iduladha adalah **Sunat Muakkadah**. Disunatkan berjemaah kepada semua mukallaf sama ada lelaki, perempuan, bermukim, musafir, sama ada di surau, masjid ataupun di kawasan lapang dan terbuka. Bagi mereka yang tidak dapat mengerjakan secara berjemaah, boleh dilakukan secara sendirian.

1. Waktu Solat Sunat Hari Raya

- i. Solat sunat `Idulfitr bermula dalam anggaran 30 minit setelah terbit matahari hingga masuk waktu zohor 1 Syawwal. Sunat dilwatkan untuk memberi kesempatan kepada mereka yang belum menunaikan zakat fitrah.
- ii. Solatsunat`Iduladhabermuladalamanggaran30minitsetelahterbit matahari hingga masuk waktu zohor 10 Zulhijjah. Sunat diawalkan untuk melaksanakan ibadah qurban.

2. Tiada Solat Sunat Sebelum Dan Selepas (Qabliyyah dan Ba'diyyah)

Tidak disyariatkan solat sunat (*Qabliyyah* dan *Ba'diyyah*) bagi solat sunat `Idulfitr / `Iduladha. Namun Imam Syafie dan sebahagian ulama salaf tidak menegah mendirikan solat selain *Qabliyyah* dan *Ba'diyyah*. Contohnya, Solat Sunat Tahiyyatul Masjid, Solat sunat Dhuha, Solat Sunat Mutlak dan lain-lain.

3. Tiada Seruan Azan atau Iqamah

Tiada seruan azan atau iqamah sebelum solat sunat `Idulfitr / `Iduladha sebaliknya boleh diganti dengan lafaz berikut :-

"الصَّلَاةُ جَامِعَةٌ رَحْمَكُمُ اللَّهُ"

atau

"الصَّلَاةُ جَامِعَةٌ رَحْمَكُمُ اللَّهُ"

4. Kaifiyyat Solat Sunat `Idulfitr / `Iduladha

- i. Berniat di dalam hati mendirikan solat sunat `Idulfitr / `Iduladha ketika takbiratul ihram.
- ii. Takbiratul Ihram.
- iii. Rakaat pertama doa *Iftitah*.
- iv. - Rakaat pertama takbir tujuh kali **tidak termasuk** takbiratul ihram.
- Rakaat kedua takbir lima kali **tidak termasuk** takbir intiqalat.
- sunat diselangi dengan membaca zikir di antara takbir:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

- v. Membaca surah al-Fatihah.
- vi. Membaca Surah al-Qur'an (digalakkan membaca Surah al-A'la pada rakaat pertama dan Surah al-Ghasyiah pada rakaat kedua).
- vii. Ruku'.
- viii. `Itidal (Berdiri tegak selepas ruku').
- ix. Sujud (dua kali pada setiap rakaat).
- x. Duduk antara dua sujud.
- xi. Tahiyyat akhir pada rakaat kedua.
- xii. Salam.

5. Membaca dan Mendengar Khutbah

Sunat membaca dan mendengar khutbah sesudah mengerjakan solat sunat `Idulfitr / `Iduladha. (Sunat bagi wanita dalam uzur turut serta hadir di tempat solat untuk mendengar khutbah).

*** Wanita dalam uzur boleh mendengar khutbah di luar masjid.*

AMALAN SELEPAS 1 SYAWWAL

Amalan yang dikhususkan pada bulan Syawwal ialah :-

1. Puasa 6 hari di bulan Syawwal.

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدِ عَنْ سِتَّةِ مِنْ شَوَّالٍ سُنَّةً لِلَّهِ تَعَالَى

“ Sahaja aku puasa enam hari di bulan syawwal sunat
kerana Allah ta'ala “.

2. Ziarah menziarahi.
 3. Meneruskan amalan-amalan sunat yang biasa dilakukan dalam bulan Ramadhan seperti berikut:-
 - Puasa-puasa Sunat
 - Qiamullail
 - Membaca serta memahami isi kandungan al-Quran
 - Bertadarrus
 - Bersedekah
 - Menghidupkan majlis-majlis ilmu
 - Perbanyakkan Zikir Kepada Allah SWT
 - Mengeratkan tali persaudaraan sesama Islam
- PERKARA YANG MENYALAHI SYARA' KETIKA MENYAMBUT HARI RAYA**
1. Berbelanja dengan boros dan berlebih-lebihan mengakibatkan pembaziran dan hutang:
 - i. Membeli mercun.
 - ii. Membeli peralatan baru sedangkan yang lama masih elok.
 2. Pergaulan bebas, serta bersalaman lelaki dan perempuan yang bukan mahram.
 3. Berlebih-lebihan bersolek dan berwangi-wangian (bagi kaum wanita), mendedahkan aurat serta berpakaian menjolok mata seperti pakaian jarang, ketat, singkat, terdedah dan menarik perhatian.
 4. Hiburan yang melampau serta melalaikan.
 - i. Menghabiskan masa menonton TV, gajet dan lain-lain.
 - ii. Bermain mercun sehingga mengganggu ketenteraman awam.
 5. Mengkhususkan ziarah perkuburan hanya pada hari raya sahaja.

6. Mengabai dan meninggalkan solat fardhu.
7. Kembali melakukan dosa dan maksiat setelah berlalunya Bulan Ramadhan.
8. Mengaitkan hari raya dengan perayaan agama lain seperti “*DeepaRaya*”, “*GongXiRaya*” dan yang seumpamanya.
9. Menyambut hari raya dengan program-program hiburan yang bertentangan dengan roh ‘Idulfitr dan ‘Iduladha.
10. Mengaitkan rancangan hiburan yang terlarang dengan ‘Idulfitr/ ‘Iduladha dimedia elektronik seperti “*Riang Ria Aidilfitri*” dan sebagainya.